

BORANG PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK

No. Rujukan Fail: **PSU(K)**_____

PERJANJIAN INI adalah dibuat pada _____ **hari bulan** _____ **tahun** _____ di **ANTARA KERAJAAN NEGERI KEDAH** (selepas ini disebut “Kerajaan” dan sebutan itu hendaklah termasuk mana-mana wakil Kerajaan yang diberi kuasa bertindak bagi pihak Kerajaan) sebagai satu pihak dengan _____, **No. K/P** : _____ (selepas ini disebut “Pegawai”) sebagai pihak yang satu lagi.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

Pelantikan

1. Kerajaan hendaklah mulai dari _____ **hari bulan** _____ **tahun** _____ mengambil bekerja Pegawai dan Pegawai hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai seorang _____ selama Tempoh Perkhidmatan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tersebut di bawah ini.

Tempoh Perkhidmatan

2. Tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Perjanjian ini Tempoh Perkhidmatan Pegawai (selepas ini disebutkan “Tempoh Perkhidmatan”) hendaklah berjalan terus-menerus selama **dua (2) tahun** mulai dari _____ hingga _____.

Penyambungan Perkhidmatan

3. Enam bulan sebelum tamat Tempoh Perkhidmatan, Pegawai hendaklah memberitahu Kerajaan dengan notis secara bertulis sama ada ingin dilantik semula berkhidmat dengan Kerajaan dan berasaskan notis itu Kerajaan hendaklah sebelum tamat Tempoh Perkhidmatan Pegawai itu, memberitahu Pegawai dengan notis secara bertulis sama ada telah membuat keputusan hendak melantik semula Pegawai.

Syarat Pelantikan Semula

4. Pelantikan semula Pegawai oleh Kerajaan hendaklah atas syarat-syarat dan selama sesuatu tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Tanggungjawab Pegawai

5. Pegawai hendaklah dalam Tempoh Perkhidmatan itu:

- (i) mematuhi arahan penempatan dan pertukaran di mana-mana sahaja tempat di Malaysia;

- (ii) menjalankan kewajipan jawatan yang dia diambil bekerja dan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Kerajaan;
- (iii) bermastautin di sesuatu tempat seperti yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
- (iv) tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak, mengambil bahagian atau bekerja dalam apa-apa jua perkhidmatan pun atau urusan yang lain, ataupun menerima apa-apa komisyen atau bayaran tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan;
- (v) menumpukan segala masa dan perhatiannya kepada perkhidmatan Kerajaan dan berusaha sedaya upayanya untuk memajukan kepentingan Kerajaan;
- (vi) menurut dan menjalankan perintah dan arahan yang diberikan kepadanya oleh Kerajaan;
- (vii) menurut dan menjalankan, setakat mana ia dipakai dan tidak bertentangan dengan Perintah Am, Arahan Kewangan atau lain-lain Peraturan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- (viii) tidak boleh membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Kerajaan kepada sesiapa atau tidak diubah oleh Perjanjian ini, segala jua yang tidak berhak kepadanya;
- (ix) memberi, jika dikehendaki sedemikian oleh Kerajaan, sesuatu jaminan dan dalam sesuatu bentuk seperti yang ditentukan oleh Kerajaan, untuk

penunaian kewajipannya yang tersebut itu secara taat setia dan jujur, dan premium yang kena dibayar berkenaan dengan jaminan itu bolehlah dipotong dari gajinya oleh Kerajaan; dan

- (x) memperoleh kelulusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perjanjian ini dalam had-had masa yang dinyatakan di dalam Jadual itu; dan pada menurut fasal kecil ini Kerajaan berhak mengarahkan anggota menghadiri sesuatu kursus serta memasuki sesuatu peperiksaan yang dianggap berfaedah oleh Kerajaan.

Tanggungjawab Kerajaan

6. Kerajaan hendaklah:

- (i) dalam Tempoh Perkhidmatan itu membayar kepada Pegawai gaji mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perjanjian ini dengan syarat jika ada peruntukan dibuat dalam Jadual untuk memberikan pergerakan gaji tahunan, tiada pergerakan gaji tahunan boleh diberikan kepada pegawai sehingga dia diperakukan layak menerima pergerakan gaji tahunan pada tarikh pergerakan gaji itu berasaskan prestasi kerja pegawai;
- (ii) dalam Tempoh Perkhidmatan itu memberikan semua cuti dan membayar elaun serta kemudahan kepada Pegawai seperti yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perjanjian ini.

Ketidakupayaan Pegawai

7. Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang dibenarkan oleh Kerajaan untuk memeriksa Pegawai memperakukan dengan cara bertulis bahawa pada pendapatnya Pegawai tidak berupaya memberi perkhidmatan yang cekap selanjutnya kepada Kerajaan oleh sebab apa-apa kerosakan akal fikiran atau tubuh badan dan bahawa ketidakupayaannya itu disebabkan oleh kesalahan, kelalaian atau kurang pertimbangan (indiscretion) Pegawai itu sendiri, maka perkhidmatan Pegawai di bawah Perjanjian ini hendaklah oleh sebab itu ditamatkan oleh Kerajaan. Pegawai tidaklah selepas itu berhak mendapat apa-apa gaji melainkan gaji yang dia sebenarnya berhak mendapat kerana perkhidmatannya sebelum Perjanjian ini ditamatkan di bawah Fasal ini.

Pemberhentian Oleh Kerajaan

8. Jika Pegawai pada bila-bila masa cuai atau enggan atau kerana apa-apa jua sebab selain daripada sebab yang disebutkan dalam Fasal 7 tidak mematuhi apa-apa perintah yang diberi oleh seseorang pegawai Kerajaan yang berkuasa ke atasnya atau membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Kerajaan kepada sesiapa jua yang tidak berkuasa menerimanya atau dengan apa-apa jua cara berkelakuan salah atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatannya dan apabila dia ditamatkan perkhidmatan

mengikut peruntukan ini, segala hak dan faedah Pegawai di bawah Perjanjian ini hendaklah luput dan tamat dengan serta-merta.

9. Kerajaan boleh pada bila-bila masa memberhentikan perkhidmatan Pegawai dengan memberikan notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Perjanjian ini atau dengan membayar kepada Pegawai satu bulan gaji sebagai ganti notis itu tanpa memberikan apa-apa alasan.

Pemberhentian Oleh Pegawai

10. Pegawai boleh pada bila-bila masa berhenti dari perkhidmatan dengan memberikan kepada Kerajaan notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Perjanjian ini atau dengan membayar kepada Kerajaan satu bulan gaji sebagai ganti notis itu.

Jadual

11. Sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang tersebut di atas, maka syarat yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

Pemakaian Undang-Undang

12. Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia

Kos dan Perbelanjaan

13. Segala kos dan perbelanjaan bagi penyempurnaan serta duti setem yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pegawai.

Pindaan

14. Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

Ketaksahan

15. Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini diputuskan sebagai tidak sah atau bertentangan dengan sebarang undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan, maka kesahan peruntukan lain di dalam Perjanjian ini tidak akan terjejas dan akan dikuat kuasa dan dilaksanakan seterusnya.

16. Kerajaan tidak berkewajipan untuk melantik Pegawai ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau pihak berkuasa melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya Pegawai berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari, bulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:

Bagi pihak **KERAJAAN NEGERI KEDAH** }

pada ____ hari bulan _____ tahun ____ }

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

dan disaksikan oleh:

Nama saksi }

No. Kad Pengenalan }

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Ditandatangani oleh Pegawai }

pada ____ hari bulan _____ tahun ____ }

.....
Tandatangan Pegawai

dan disaksikan oleh:

Nama saksi: }

No. Kad Pengenalan: }

.....
Tandatangan Saksi

JADUAL

1. Fasal 5(x) – Kelulusan

2. Fasal 6(i) - Gaji

(a) Gaji Bulanan

RM _____ sebulan dalam gred gaji _____ .

(b) Pegawai boleh dipertimbangkan pergerakan gaji biasa pada tarikh pergerakan gaji tahunannya berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

3. **Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Kerajaan akan mencarum ke dalam skim KWSP, Majikan (13%) dan Pekerja (11%) mengikut akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 – Jadual Ketiga, Bahagian A.

4. **Caruman Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

Kerajaan akan mencarum ke dalam skim PERKESO mengikut Pekeliling Majikan No.2 Tahun 2013.

5. Fasal 6(ii) – **Elaun dan Kemudahan:**

Pegawai layak dibayar elaun dan kemudahan berikut mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dan berkuat kuasa:

(a) Imbuan Tetap, Elaun-elaun dan Kemudahan

Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) sebanyak RM _____ sebulan,

Imbuan Tetap Perumahan (ITP) sebanyak RM _____ sebulan,

Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM _____ sebulan dan elaun-elaun perjalanan serta kemudahan termasuk layanan perubatan mengikut syarat-syarat Pekeliling Perkhidmatan serta Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain Pekeliling yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri.

(b) Cuti Rehat

Sebanyak dua puluh (20) hari bagi genap setahun perkhidmatan dan hendaklah digunakan dalam tahun cuti rehat itu diperolehi. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan boleh diganti dengan pemberian wang tunai tertakluk pada syarat dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP1.1.8 dan Ceraian UP1.1.12. Semua cuti rehat yang berkecualan yang tidak diambil akan mansuh apabila perjanjian ini tamat atau ditamatkan di bawah Fasal 8 dan 10.

(c) Cuti Sakit

Sebanyak lima belas (15) hari setahun;
dan

(d) kemudahan-kemudahan lain yang layak mengikut gred jawatan tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 yang berkecualan.

6. Fasal 9 dan 10 – Notis Berhenti Kerja : Satu (1) bulan.